KAD DEBIT BIBD

LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK Sila baca Lembaran Maklumat Produk ini sebelum awda memutuskan untuk melanggan Kad Debit BIBD. Sekiranya awda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami. Sila baca juga Terma dan Syarat, Terma dan Syarat Tambahan dan Soalan-soalan Lazim.	KAD DEBIT BIBD

1) Apakah maklumat berkaitan produk ini?

Kad Debit BIBD adalah kad patuh Syara' untuk pembayaran barangan dan/atau perkhidmatan yang dibeli dari peniaga Mastercard. Ianya juga boleh digunakan untuk mengeluarkan wang tunai dari ATM di dalam dan luar negara. Jumlah yang digunakan akan ditolak langsung dari Akaun Simpanan atau Akaun Semasa BIBD awda yang telah dipautkan.

2) Apakah produk yang ditawarkan di bawah Kad Debit BIBD?

BIBD menawarkan kad debit seperti berikut:

- BIBD World Debit Mastercard (untuk Perbankan *Perdana Privilege* sahaja)
- BIBD Debit Mastercard

3) Apakah konsep dan sekatan Syariah untuk produk ini?

Kad Debit BIBD ini adalah berdasarkan prinsip Wakalah dan Ujrah. Di bawah prinsip Wakalah, BIBD akan bertindak sebagai pentadbir pembayaran bagi pihak Pemegang Kad kepada peniaga dan menguruskan Akaun Kad tersebut. Prinsip Ujrah merujuk kepada yuran yang dikenakan kepada Pemegang Kad sebagai pertukaran bagi perkhidmatan yang diberikan melalui penggunaan Kad tersebut.

Kad Debit BIBD tidak boleh digunakan bagi pembayaran aktiviti, barangan dan/atau perkhidmatan di mana-mana perniagaan yang tidak patuh Syara'.

Kod Kategori Pedagang ("MCC") seperti yang tertera di bawah ini adalah –pedagang-pedagang yang disekat dan dikategorikan sebagai tidak patuh Syara':

MCC	Penerangan MCC
5715	Pemborong Minuman Beralkohol *(Alcoholic Beverage Wholesalers)*
5813	Premis Minuman (Beralkohol) – bar, kedai arak, kelab malam, lounge koktel dan diskotik *(Drinking places (alcoholic beverages) – bars, taverns, night-clubs, cocktail lounges and discotheques)*
5921	Kedai Jualan Berbungkus – bir, wain dan minuman keras *(Package shops – beer, wine and liquors)*
5967	Pemasaran Langsung – Pedagang Telepemasaran Masuk – Sembang Dewasa *(Direct Marketing – Inbound Telemarketing merchants – Adult Chat)*
5973	Barangan dan Kedai Keagamaan *(Religious goods and shops)*
5993	Kedai dan Gerai Cerut *(Cigar shops and stands)*
7261	Perkhidmatan Pengebumian dan Krematorium *(Funeral Services and crematoriums*
7273	Perkhidmatan Janji Temu dan Pengiring *(Dating and escort services)*
7800	Loteri Milik Kerajaan (kawasan AS sahaja) *(State owned lottery (US region only))*
7801	Kasino Dalam Talian Berlesen Milik Kerajaan (kawasan AS sahaja) *(State owned licensed online Casino (US region only))*

7802	Perlumbaan Kuda/Anjing Berlesen Milik Kerajaan (kawasan AS sahaja) *(State owned licensed horse/dog racing (US region only))*
7995	Perkhidmatan Perjudian *(Gambling Services)*
8661	Organisasi Keagamaan *(Organizations, Religious)*
9406	Loteri Milik Kerajaan (negara tertentu) *(State owned lottery (specific country))*

4) Siapakah yang boleh memohon produk ini?

Individu yang ingin memohon produk ini hendaklah memenuhi kriteria-kriteria yang tertera seperti berikut:

- Berumur 12 tahun ke atas; dan
- Mempunyai Akaun Simpanan atau Akaun Semasa BIBD

5) Apakah dokumen-dokumen yang diperlukan untuk memohon produk ini?

- Salinan asal Kad Pengenalan pemohon atau pasport pemohon;
- Surat Persetujuan dan Indemniti (jika berkenaan); dan
- Bukti penjagaan (guardianship) atau dokumen rasmi lain yang membuktikan kuasa/kelayakan (jika berkenaan).

6) Apakah yuran dan caj yang terlibat?

Yuran dan caj yang berkenaan adalah seperti yang tertera di dalam Jadual Tarif BIBD yang terkini yang disiarkan di dalam laman web BIBD di www.bibd.com.bn.

7) Apakah had transaksi yang dikenakan?

Had transaksi yang berkenaan adalah seperti yang tertera di dalam Jadual Tarif BIBD yang terkini yang disiarkan di dalam laman web BIBD di www.bibd.com.bn.

8) Apakah kewajipan saya?

Pengeluaran Melebihi Had daripada Akaun

Pastikan untuk sentiasa mengekalkan baki yang mencukupi di dalam Akaun Simpanan atau Akaun Semasa BIBD awda sebelum membuat sebarang transaksi. Jika Akaun awda membuat pengeluaran yang melebihi had, pembayaran haruslah dibuat terlebih dahulu untuk menyelesaikan jumlah dari pengeluaran tersebut. Jika Kad Debit awda dipautkan ke akaun yang mempunyai Kemudahan Overdraf (Naqd), sila ambil maklum bahawa penggunaan Kad Debit tersebut boleh membawa kepada penggunaan baki overdraf.

Transaksi Yang Tidak Dibenarkan

Pemegang Kad hendaklah bertanggungjawab ke atas mana-mana / semua transaksi tanpa kebenaran yang dilakukan menggunakan Kad Debit mereka sehingga pihak Bank dimaklumkan secara bertulis dalam format yang dinyatakan dalam Borang Pengisytiharan Pertikaian Kad dalam masa 60 hari dari tarikh transaksi mengenai transaksi tersebut.

9) Apakah yang akan terjadi jika saya gagal memenuhi kewajipan saya?

a. Kegagalan, keengganan dan/atau kecuaian dalam mengekalkan baki yang mencukupi di dalam Akaun Simpanan atau Akaun Semasa BIBD akan mengakibatkan pihak Bank untuk menyekat penggunaan kad tersebut.

b. Pihak Bank mempunyai hak untuk menggabung, menolak atau menyatukan mana-mana baki dalam akaun yang lain yang awda kekalkan dengan pihak Bank bagi tujuan pembayaran penuh atau separa bagi baki pengeluaran yang melebihi had di dalam Kad Debit awda pada bila-bila masa dan tanpa notis.

c. Pihak Bank mempunyai hak untuk menamatkan kemudahan Kad Debit awda jika awda gagal untuk mematuhi terma dan syarat bagi penggunaan Kad Debit.

10) Apakah risiko-risiko utama yang berkaitan dengan produk ini?

a. Sekiranya berlaku keingkaran, Pemegang Kad perlu menanggung kos daripada prosiding undang-undang yang dimulakan oleh pihak Bank terhadap beliau.
b. Awda harus memaklumkan pihak Bank dengan segera jika awda mendapati bahawa Kad Debit awda telah hilang, dicuri, transaksi yang tidak dibenarkan telah berlaku dan/atau PIN awda mungkin telah terjejas.

11) Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat sebarang perubahan pada butiran maklumat perhubungan saya?

Jika terdapat sebarang perubahan pada butiran maklumat perhubungan awda, seperti alamat atau nombor telefon awda, sila kunjungi mana-mana cawangan BIBD kami dan lengkapkan Borang Kemaskini Butiran Peribadi (PPU).

Adalah penting untuk awda memaklumkan pihak Bank sebarang perubahan kepada butiran maklumat perhubungan awda bagi memastikan semua persuratan akan diterima tepat pada masanya.

12) Siapakah yang boleh saya hubungi untuk mendapatkan maklumat lanjut atau membuat sebarang aduan?

Sekiranya awda ingin membuat sebarang pertanyaan atau aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang kami sediakan, awda boleh menghubungi kami di:

Alamat: **Unit Pusat Resolusi Pelanggan**
Tingkat 4, Kompleks Setia Kenangan,
Kampong Kiulap, Gadong,
Bandar Seri Begawan BE1518

Telefon: Jabatan Penjagaan Pelanggan di +673 2238181

E-Mel: customer.resolution@bibd.com.bn

Atau kunjungi mana-mana cawangan BIBD terdekat awda.

Jika penyelesaian bagi pertanyaan atau aduan awda kurang memuaskan dari pihak kami, awda boleh menghubungi Brunei Darussalam Central Bank di:

Brunei Darussalam Central Bank
Tingkat 7, Financial Consumer Issues,
Bangunan Kementerian Kewangan,
Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan BB3910
Brunei Darussalam
E-mel: fci@bdcb.gov.bn
Nombor Telefon: 2380007

13) Maklumat tambahan

a. Sekiranya berlaku sebarang keraguan mengenai panggilan telefon, teks SMS atau e-mel yang diterima atau tindakan berhubung dengan kad awda atau kebenaran yang diperlukan bagi sebarang transaksi, awda boleh menghubungi pihak Bank pada bila-bila masa untuk mendapatkan penjelasan.

b. Semua transaksi yang diluluskan akan dianggap betul dan mengikat Pemegang Kad melainkan Pemegang Kad memaklumkan kepada Bank secara bertulis tentang sebarang percanggahan dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh transaksi. Semua aduan/pertikaian yang diterima oleh Bank selepas tempoh tersebut tidak akan dilayan.

c. Sekiranya Pemegang Kad ingin mempertikaikan transaksi, pertikaian tersebut akan dimaklumkan kepada Bank dalam format seperti yang dinyatakan dalam Borang Pengisytiharan Pertikaian Kad yang boleh didapati di laman web Bank.

d. Pemegang Kad hendaklah melengkapkan borang sepenuhnya dan menyediakan semua dokumentasi sokongan yang diminta oleh Bank yang berkaitan dengan transaksi yang dipertikaikan dan menghantarnya melalui e-mel ke chargeback.cardops@bibd.com.bn.

e. Untuk kehilangan atau kecurian kad, awda hendaklah melaporkan dengan segera dengan menghubungi ejen Pusat Perhubungan kami melalui BIBD NEXGEN Wallet atau dengan menghubungi:

- Jabatan Penjagaan Pelanggan BIBD di talian 2238181; atau
- Pusat Perhubungan Perdana di talian 2236688.

f. Jika Pemegang Kad menggunakan Kad Debit untuk transaksi dalam matawang selain Ringgit Brunei, jumlah tersebut akan ditukar pada kadar pertukaran yang ditentukan oleh Mastercard pada tarikh penukaran. Sebagai tambahan, Yuran Tambahan / Matawang Asing juga akan dikenakan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Tarif BIBD yang berkuatkuasa.

14) Apa yang perlu saya lakukan setelah menerima Kad Debit BIBD saya?

Mengaktifkan kad / fungsi e-Dagang	Melalui BIBD NEXGEN Wallet atau menghubungi Pusat Perhubungan BIBD.
Mengaktifkan *Contactless*	Dengan membuat transaksi pertama dengan memasukkan kad awda ke dalam terminal kad.
Penjanaan PIN	PIN boleh dijana dan ditukar secara peribadi melalui BIBD NEXGEN Wallet atau dengan menghubungi Pusat Perhubungan BIBD.

15) Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

- Layari laman web kami di www.bibd.com.bn.
- Hubungi Jabatan Penjagaan Pelanggan kami di talian +673 223 8181.
- Kunjungi mana-mana cawangan kami. Maklumat lokasi cawangan dan waktu operasi boleh didapati di laman web kami.

Pengisytiharan Perbankan Peribadi

Saya mengesahkan telah menjelaskan Lembaran Maklumat Produk berkenaan kepada Pelanggan dalam bahasa pilihan mereka.

Nama: _____

ID Pekerja: _____ **Tandatangan:** _____

Pengisytiharan Pemohon

Dengan menandatangani di bawah, saya / kami dengan ini:

a. memahami bahawa maklumat yang diberikan adalah terma dan syarat utama sebelum memohon Kad Debit dan saya / kami dikehendaki untuk membaca Terma dan Syarat Kad Debit BIBD yang boleh didapati di www.bibd.com.bn atau di mana-mana cawangan BIBD.
b. mengesahkan bahawa saya / kami telah memahami penjelasan dan kandungan Lembaran Maklumat Produk yang diberikan dalam bahasa pilihan saya / kami.

Nama: _____	**Nama:** _____
No. IC / Pasport: _____	**No. IC / Pasport:** _____
Tandatangan: _____	**Tandatangan:** _____
Tarikh: _____	**Tarikh:** _____

NOTA PENTING: Maklumat yang diberikan dalam Lembaran Maklumat Produk ini adalah sepertimana yang disiarkan pada **09 NOVEMBER 2026.**

Bruneian at Heart